

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
(BUKIT BENDERA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk menyatu dan memusatkan semua pemerolehan awam seperti e-perolehan, MyProcurement, ePerunding dan lain-lain lagi di bawah satu portal pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Cadangan pemusatan perolehan awam di bawah satu portal pusat perlu dikaji dengan terperinci bagi mengelakkan kesan negatif terhadap urusan perolehan yang dilaksanakan di peringkat Kementerian/Agensi Persekutuan. Pembangunan sistem perolehan seperti ePerolehan,

MyProcurement mahu pun e-Perunding adalah khusus untuk kategori perolehan tertentu dan mempunyai fungsi yang berbeza. Ini bertujuan untuk memudahkan rujukan dan penyertaan oleh setiap pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang terlibat disamping meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan.

Kementerian Kewangan menerusi inisiatif *Treasury Transformation Program* (TTP) sedang merangka inisiatif dan strategi di bawah *Enterprise Architecture* untuk mempermudahkan pihak *stakeholders* mendapat maklumat melalui portal berpusat.